

R B000 AAB
MAHATHIR-PERUTUSAN

(EMBARGO: UNTUK DISIARKAN PADA MALAM HARI RAYA SETELAH TARIKH HARI RAYA DITETAPKAN)

KUALA LUMPUR, 6 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA USAHA MENGAWAL KEAMANAN, MENSTABILKAN POLITIK DAN MEMBANGUNKAN EKONOMI ADALAH UNTUK KEPENTINGAN DAN KEBAIKAN SETIAP RAKYAT.

RAKYAT MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA KESTABILAN POLITIK DAN PERPADUAN KAUM TERPELIHARA DI NEGARA INI, KATA BELIAU DALAM PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI YANG DISIARKAN MELALUI RTM MALAM INI.

+KITA HARUS INGAT BAHAWA DI MANA TERDAPAT KEADAAN POLITIK YANG TIDAK STABIL DAN KAUM-KAUM BERTELAGAH, PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN DALAM APA JUGA BIDANG AMAT SUKAR DICAPAI,+ KATA BELIAU.

+RUSUHAN JUGA MUNGKIN BERLAKU.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEBERAPA PERKEMBANGAN DALAM NEGARA PADA MASA KINI SANGAT MENGGALAKKAN. SELAIN DARIPADA KESTABILAN POLITIK DAN KEHARMONIAN KAUM, EKONOMI NEGARA JUGA SEMAKIN BAIK.

BELIAU BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI TAHUN LEPAS SEBANYAK 8.1 PERATUS MERUPAKAN YANG TERTINGGI SEPANJANG DEKAD INI. IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA, EKSPORT DAGANGAN DAN KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TERUS KUKUH.

-- LAGI.
1842MST 06 05 89

R BOO1 BAH
MAHATHIR-PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KERAJAPAN YAKIN BAHAWA PERTUMBUHAN EKONOMI PADA TAHUN INI AKAN TERUS MENGGALAKKAN, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU FAKTOR PENTING BAGI MENERUSKAN PERTUMBUHAN EKONOMI IALAH MEMASTIKAN PELABURAN SWASTA, SAMA ADA DARI DALAM ATAU DARI LUAR NEGERI, TERUS MENINGKAT.

KERAJAAN JUGA SEDANG MEMBERI PERHATIAN KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN DAN TELAH MENGISYTIHARKAN TAHUN DEPAN SEBAGAI +TAHUN MELAWAT MALAYSIA,+ KATANYA.

KEJAYAAN KEMPEN ITU BERGANTUNG BUKAN SAHAJA KEPADA KERAJAAN TETAPI JUGA KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA, YANG PERLU MENENTUKAN BAHAWA PARA PELANCONG BERASA KEDATANGAN MEREKA DIALU-ALUKAN, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMUA YANG BERLAKU KEPADA NEGARA SEKARANG ADA KAITAN DENGAN KEHIDUPAN DIRI RAKYAT. +KITA SENDIRI TIDAK HARUS LUPA PERISTIWA 13 MEI 1969 YANG BERLAKU DI NEGARA KITA,+ KATA BELIAU.

+DEMIKIANLAH JUGA DENGAN EKONOMI NEGARA,+ TAMBAHNYA. BELIAU BERKATA APABILA EKONOMI MEROSOT, RAMAI YANG MENGANGGUR DAN RAMAI YANG MENJADI MUFLIS.

SEBALIKNYA, PEMULIHAN EKONOMI SEKARANG TETAP MEMBAWA NIKMAT KEPADA RAKYAT SEMUA DENGAN BERTAMBAHNYA PELUANG PEKERJAAN, PENDAPATAN MENINGKAT DAN YANG MISKIN LEBIH MUDAH MENDAPAT BANTUAN, KATA BELIAU. -- LAGI

1857MST 06 05 89

D837

R 2003 AAB
MAHATHIR-PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUKAN NIAT KERAJAAN MANDABIK DADA KEPADA DUNIA MENGENAI PENCAPAIAN NEGARA DENGAN MENYEBUTKAN ANGKA-ANGKA EKONOMI ITU.

+KITA SEBUTKAN TENTANG PENCAPAIAN KITA INI KERANA IA ADA KAITAN YANG RAPAT DENGAN BAIK BURUKNYA NASIB PENDUDUK-PENDUDUK NEGARA INI,+ KATANYA.

+DI SAMPING KITA MERAYAKAN KEMENANGAN KITA MELAWAN NAFSU SEPANJANG BULAN RAMADAN, KITA JUGA BOLEH MERAYAKAN KEJAYAAN KITA MELAWAN KEMELESETAN EKONOMI YANG KITA ALAMI BEBERAPA TAHUN YANG LEPAS,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA RAKYAT TIDAK MELUPAKAN PENGORBANAN ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN DAN PEKERJA DI JABATAN TERTENTU YANG TERPAKSA MENJALANKAN TUGAS MEREKA PADA HARI RAYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENGUCAPKAN +TAHNIAH+ DAN +TERIMA KASIH+ KEPADA MEREKA TERMASUK KEPADA ANGGOTA TENTERA YANG BERTUGAS DI BAWAH PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENJAGA KEAMANAN DI NAMIBIA, IRAN DAN IRAQ.

KEPADA SEMUA YANG BERAGAMA ISLAM, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, KEPADA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM PULA, BELIAU MENYERU MEREKA SUPAYA MENGUNJUNGI RAKAN-RAKAN ISLAM MEREKA +MUDAH-MUDAHAN JURANG PERBEZAAN ANTARA KITA DAPAT DIKURANGKAN LAGI.+ -- BERNAMA.

1909MST060 5 89